

BERLAKU ADIL TERHADAP SETIAP ANAK

Oleh: Siti Shah'AzmaWina binti Abu Hanifah, 1171840

Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan (FKP), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)

Disiarkan pada 21 July 2020



Memiliki anak yang baik dan dapat menjaga kita ketika tua pasti menjadi harapan setiap ibu bapa.

Kita pasti pernah mendengar kata-kata yang menyebut bahawa seorang ibu boleh menjaga 10 orang anaknya tetapi 10 orang anak belum tentu dapat menjaga seorang ibu.

Pada masa yang sama, timbul persoalan sama ada ibu bapa mampu memberi kasih sayang yang sama rata terhadap semua anak mereka.

Pakar Psikiatri Pusat Pakar Swasta UiTM (UPSC), Dr Mohd Arif Mohd Zim berkata, ada kalanya dalam mendidik anak-anak, ibu bapa tersilap atau secara tidak sengaja memilih kasih ketika memberi perhatian.

Walaupun anak-anak lahir dari rahim yang sama, sikap setiap orang dari mereka pasti berbeza. Ada yang bersikap acuh tak acuh dan tidak mudah terasa, namun ada pula yang agresif dan sensitif. Setiap anak juga mempunyai keistimewaan tersendiri.

Menurut Prof Madya Dr Azizi Yahaya dari Fakulti Pendidikan Universiti Teknologi Malaysia (UTM), kasih sayang yang diberikan oleh ibu bapa menjadi faktor penting dalam membentuk keperibadian anak-anak.

Maka, ibu bapa perlu ada ilmu keibubapaan yang mencukupi bagi membantu mereka berlaku adil terhadap anak-anak.

Ibu bapa dianggap mempunyai keyakinan yang kuat jika mereka menetapkan matlamat ingin berlaku adil terhadap semua manusia dalam apa jua urusan termasuk dalam hal mendidik anak-anak.

Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud, "*Berlaku adillah antara anak-anakmu.*" (*Hadis Riwayat Ahmad dan Abu Daud.*)

Kita boleh mengambil iktibar dari kisah yang terkandung dalam al-Quran mengenai abang-abang Nabi Yusuf a.s. yang berpakat ingin membunuh baginda kerana cemburu apabila baginda lebih disayangi oleh bapa mereka.

Dari kisah tersebut, ibu bapa seharusnya sedar bahawa perasaan benci dan iri hati terhadap anak kesayangan dalam keluarga boleh timbul dalam diri anak-anak yang kurang menerima perhatian mereka.

Masalah itu mungkin melarat sehingga menyebabkan berlaku pertelingkahan sesama mereka. Jika dibiarkan begitu sahaja, situasi tersebut boleh membawa kepada perpecahan dan konflik keluarga yang berpanjangan sehingga mereka dewasa.

Walaupun sukar, ibu bapa haruslah berlaku adil terhadap anak-anak mereka. Elakkan daripada membanding-bandingkan setiap anak dengan anak yang lain agar mereka tidak berkecil hati.

Berusahlah memberi layanan yang sama rata terhadap anak-anak agar tiada yang berasa dipinggirkan dan kurang menerima kasih sayang daripada ibu bapa mereka.